



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANGNEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT JAWATANKUASA KIRA-
KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 Jun 2023

KENYATAAN MEDIA
LAWATAN KERJA DAN PROSIDING PAC BERHUBUNG
LAPORAN KEMAJUAN PROJEK KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA –
LITTORAL COMBATANT SHIP (LCS)

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini, telah mengadakan lawatan kerja dan prosiding di Limbungan Boustead Naval Shipyard, Markas Tentera Laut DiRaja Malaysia di Lumut, Perak.
2. PAC mengambil masa selama kira-kira dua jam untuk melihat sendiri status pembinaan subjek prosiding iaitu Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bermula pada pukul 10.00 pagi.
3. Prosiding PAC dimulakan pada pukul 2.30 petang, memfokuskan tentang laporan kemajuan projek LCS yang perlu dibentangkan oleh Kementerian Pertahanan setiap 3 bulan kepada PAC sehingga projek LCS disempurnakan selaras dengan syor PAC Parlimen ke-14 sebelum ini.
4. Antara saksi yang dipanggil memberikan keterangan dan penjelasan dalam prosiding yang diadakan ialah YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan; YBhg. Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman, Ketua Lembaga Pengarah Boustead

Naval Shipyard (BNS); dan YBrs. Encik IR. Azhar Jummat, Ketua Pegawai Eksekutif BNS. Prosiding ini berakhir pada pukul 6.00 petang.

5. PAC komited untuk membentangkan Laporan Kemajuan Projek LCS, yang akan menyentuh kemajuan pembinaan LCS yang dicapai dari Oktober 2022 sehingga Mei 2023 untuk dibahaskan pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 2023 yang akan diadakan bermula 9 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen